



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama	Profil Kementerian ▾	Piagam Pelanggan
-----------------------	--------------------------------------	----------------------------------

[Hubungi Kami ▾](#)

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - BR1M: Henti keliru, hasut rakyat](#)

Utusan Malaysia - BR1M: Henti keliru, hasut rakyat

🕒 Selasa, Feb 28 2017



BR1M: Henti keliru, hasut rakyat

KUALA LUMPUR 27 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak menem-pelak pihak pembangkang khu-susnya bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan mengingatkan supaya tidak terus mengelirukan serta menghasut rakyat dalam setiap langkah yang dilaksanakan kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan, setiap keputusan serta langkah yang diambil kerajaan adalah untuk kepentingan rakyat dalam jangka pendek dan juga jangka panjang.

Beliau memberi contoh bebera-pa inisiatif kerajaan seperti Bantu-an Rakyat 1Malaysia (BR1M) serta cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang turut mula digunakan negara lain seperti Arab Saudi.

Jelas Najib, hasil perbualan be-liau dengan beberapa menteri kera-jaan Arab Saudi mendapati negara itu mengamalkan sistem bantuan kepada keluarga memerlukan se-perti pemberian BR1M di negara ini.

"Mereka buka akaun untuk penduduk di Arab Saudi dan di-masukkan duit sebagai bantu-an kepada keluarga yang memerlu-kan. Bila saya dapat tahu itu, apa beza BR1M dengan bantuan di-berikan kerajaan Arab Saudi, Dr. Mahathir kata BR1M itu rasuah.

"Kalau Arab Saudi beri ban-tuan dalam bentuk wang kepada rakyat mereka yang memerlukan bantuan, tidak dianggap rasuah, kalau kita buat ada orang kata kita rasuah. Inilah saya kata, jangan politik sebab BR1M bukan rasuah, tetapi untuk menolong rakyat yang memerlukan bantuan.

"Keduanya, kerajaan Arab Saudi juga akan perkenalkan GST tidak lama lagi, maknanya kita tidak ambil langkah yang salah. Kalau kerajaan Arab Saudi yang kaya dengan minyak pun laksana GST, sudah tentu ada sebab mu-nasabah sistem percukaian itu dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Perasmian Residensi Kenichi dan Kenduri 1Wilayah Persekutuan Parlimen Lembah Pantai di sini hari ini.

KUALA LUMPUR 28/2

**Pekeliling
Perbendaharaan**

Undian

[BISNES](#)[AGENSI](#)[WARGA](#)

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

 03-8000 8000

 03-88823893 / 03-88823894

 [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 15 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216